



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 5 SEPTEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM BERMULA, MUKA DEPAN, BH -1	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	LAKSANA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA, KOSMO -5	
3.	KERAJAAN ROMBAK PERKHIDMATAN AWAM, DALAM NEGERI, UM -1 & 2	
4.	TUJUH KSU KEMENTERIAN BERTUKAR, NASIONAL, SH -10	
5.	9 KSU KEMENTERIAN BERTUKAR, LOKAL, HM -16	
6.	TUJUH KSU BERTUKAR KEMENTERIAN, NASIONAL, BH -4	
7.	'ROMBAKAN BANTU PEMBAHARUAN DALAM PENTADBIRAN', NASIONAL, BH -4	
8.	MAJOR RESHUFFLE OF SECRETARIES-GENERAL, NEWS/NATION, NST -2	
9.	KAJIAN AM INDUSTRI PADI, BERAS DIJANGKA SIAP BULAN INI, NASIONAL, BH -9	
10.	MAHA: PAVILION SELANGOR TAMPIL PRODUK TANAMAN NEGERI, SASAR 500,000 PENGUNJUNG, SELANGOR KINI -ONLINE	
11.	DURIAN PARK IN SABAH, TRAVEL, THE STAR -6	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
12.	SIN CHEW -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13.	MADA OPTIMIS CAPAI HASIL KASAR PADI 5.8 TAN PER HEKTAR SETAHUN, BERITA RTM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
14.	PARAS AIR EMPANGAN KEDAH KEMBALI MENINGKAT, DALAM NEGERI, UM -9	
15.	BEKALAN AIR TANAMAN PADI CUKUP, ALOR SETAR, SH -25	
16.	JETI NELAYAN BERNILAI RM18 JUTA BAKAL DIBINA DI KAMPUNG KUALA SIBUTI, UTUSAN BORNEO -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2024	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

Reformasi perkhidmatan awam bermula

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar mengumumkan perubahan penempatan dan pelantikan baharu bagi 12 jawatan pengurusan tertinggi perkhidmatan awam. Ia membabitkan sembilan Ketua Setiausaha (KSU), seorang timbalan ketua setiausaha kanan dan dua ketua pengarah yang berkuat kuasa hari ini dan 23 September.

Oleh Fahmy A Rosli → Nasional 4



Perubahan penempatan dan pelantikan ini menuntut kepantasan, ketangkasan dan kedinamikan dalam kepimpinan tertinggi sektor awam bagi mendepani era baharu

(Dari kiri) Datuk Seri Isham Ishak, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud, Datuk Lokman Hakim Ali, Datuk Seri Suriani Ahmad, Datuk Ruji Ubi, Datuk Azman Mohd Yusoff, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Ia manifestasi kepada sinergi jalinan kerjasama antara agensi serta penghayatan kepada prinsip taat setia yang meletakkan keutamaan terhadap kesetiaan kepada Raja dan Negara dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan MADANI



LOKMAN HAKIM



ISHAM



HASNOL ZAM ZAM



SURIATI



RUJI



AZMAN



KHAIRUL DZAIMIE



AWANG ALIK



NIK NASARUDIN



AZMAN IBRAHIM



ABD. SHUKOR



MUHAMMAD RAZMAN

12 individu bertukar tempat, dilantik jawatan baharu pengurusan tertinggi

Laksana reformasi perkhidmatan awam

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Kerajaan melaksanakan beberapa perubahan penempatan dan pelantikan baharu bagi jawatan pengurusan tertinggi perkhidmatan awam melibatkan 12 individu.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, perubahan penempatan dan pelantikan baharu itu dilaksanakan seiring dengan hasrat melaksanakan reformasi perkhidmatan awam.

Ia antaranya melibatkan pe-

lantikan baharu Muhammad Razman Abu Samah untuk jawatan Ketua Pengarah Unit Kerja sama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri bagi menggantikan tempat Shamsul Azri sebelum ini.

Jawatan Ketua Setiausaha (KSU) yang bertukar tempat ialah Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Ruji Ubi ditukarkan ke Kementerian Pendidikan; Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud daripada Kementerian Sumber Manusia ke Kementerian Pembangunan Usahawan

Dan Koperasi serta Datuk Azman Mohd. Yusoff ke Kementerian Sumber Manusia daripada Kementerian Perpaduan Negara.

Selain itu, ia turut melibatkan Datuk Lokman Hakim Ali (KSU Kementerian Pertahanan); Datuk Seri Isham Ishak (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan) dan Datuk Seri Hasnol Kanan dan Datuk Seri Ahmad Zam Zam Ahmad (Kementerian Perpaduan).

Pertukaran KSU itu turut melibatkan Datuk Seri Suriati Ahmad (Kementerian Keshihatan), Datuk Awang Alik Jaman (Kementerian

Dalam Negeri) dan Datuk Seri Azman Ibrahim (Kementerian Kerja Raya).

Turut berlaku perubahan ialah pelantikan Datuk Abdi. Shukor Mahmood sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri dan Datuk Nik Nasarudin Mohd. Zawawi sebagai Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Shamsul Azri berkata, langkah reformasi itu menuntun kepada kepantasan, ketangkasan dan kedinamikan dalam kepi-

pinan tertinggi sektor awam bagi menghadapi era baharu perkhidmatan awam susulan penguatman Sistem Saranan Perkhidmatan Awam (SSPA) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Ia juga adalah manifestasi kepada sinergi jalinan kerjasama antara agensi serta penghayatan kepada prinsip #tutserta yang meletakkan keutamaan kepada kesetiaan kepada Raja dan negara dalam merealisasikan aspirasi kerajaan," katanya dalam kenyataan semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

12 jawatan pengurusan tertinggi termasuk sembilan KSU bertukar

Kerajaan rombak perkhidmatan awam

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan melaksanakan reformasi besar-besaran apabila mengumumkan rombakan dan pelantikan baharu bagi 12 jawatan pengurusan tertinggi perkhidmatan awam.

Ia melibatkan sembilan Ketua Setiausaha (KSU), seorang

timbalan Ketua Setiausaha Kanan dan dua Ketua Pengarah yang berkuat kuasa hari ini dan 23 September ini.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, perubahan penempatan dan lantikan baharu itu seiring dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan reformasi perkhidmatan awam.

Tujuh KSU yang bertukar Kementerian ialah Datuk Lokman Hakim Ali yang kini Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, (sebelum ini di Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan). Beliau bertukar Kementerian dengan Datuk Seri Isham Ishak. Turut bertukar Kementerian ialah Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad kini

KSU Kementerian Perpaduan, bertukar dari Kementerian Kerja Raya; Datuk Seri Suriani Ahmad ke Kementerian Kesihatan (dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi); Datuk Ruji Ubi, KSU Kementerian Pendidikan (dari Kementerian Dalam Negeri).

Bersambung di muka 2

ROMBAKAN DAN LANTIKAN BAHARU			
1. Datuk Lokman Hakim Ali: KSU Kementerian Pertahanan, bertukar dari Kementerian Pertahanan dan Kertahanan Makanan.	6. Datuk Azman Mohd Yusoff: KSU Kementerian Sumber Manusia, bertukar dari Kementerian Perpaduan Negara	10. Datuk Nik Nasarudin Mohd Zawawi: Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, bertukar daripada KSU Kementerian Pendidikan	12. Muhammad Razman Abu Samah: Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, bertukar daripada Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
2. Datuk Seri Isham Ishak: KSU Kementerian Pertanian dan Kertahanan Makanan, bertukar dari Kementerian Pertahanan	7. Datuk Seri Khairul Dzalmee Daud: KSU Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, bertukar dari Kementerian Sumber Manusia	11. Datuk Seri Azman Ibrahim: KSU Kementerian Kerja Raya, bertukar daripada Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)	
3. Datuk Seri Hasrol Zam Zam Ahmad: KSU Kementerian Perpaduan, bertukar dari Kementerian Kerja Raya	8. Datuk Awang Alik Jemari: KSU Kementerian Dalam Negeri, naik pangkat daripada jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK), Jabatan Perdana Menteri (JPM)		
4. Datuk Seri Suriani Ahmad: KSU Kementerian Kesihatan, bertukar dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	9. Datuk Abd Shukur Mahmood: Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri, bertukar daripada Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri (JPM)		
5. Datuk Ruji Ubi: KSU Kementerian Pendidikan, bertukar dari Kementerian Dalam Negeri			

Kerajaan rombak perkhidmatan awam

Dari muka 1

KSU Kementerian Perpaduan Negara, Datuk Azman Mohd Yusoff bertukar ke Kementerian Sumber Manusia; manakala KSU Kementerian Sumber Manusia, Datuk Seri Khairul Dzalmee Daud bertukar ke Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Shamsul Azri turut mengumumkan pertukaran posisi Datuk Nik Nasarudin Mohd Zawawi daripada KSU Kementerian Pendidikan kepada Kementerian Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Turut bertukar kedudukan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Muhammad Razman Abu Samah kepada Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri.

Dalam kenyataan itu, be-

liau turut mengumumkan pelantikan Datuk Abd Shukor Mahmood sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri.

Dalam pada itu, Ketua Setiausaha Dalam Negeri, naik pangkat daripada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri manakala Datuk Seri Azman Ibrahim dilantik Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya bertukar daripada Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Kata Shamsul Azri, langkah reformasi itu menuntut kepada kepantasan, ketangkasan dan kedinamian dalam kepimpinan tertinggi sektor awam bagi mendepani era baharu perkhidmatan awam susulan pengumuman Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Ia juga adalah manifestasi kepada sinergi jalinan kerjasama antara agensi serta penghayatan kepada prinsip #taatse-tia yang meletakkan keutamaan kepada kesetiaan kepada Raja dan negara dalam merealisasikan aspirasi kerajaan," kata beliau.

Dua hari lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahukan Ketua Setiausaha Negara supaya segera melakkan langkah-langkah reformasi dalam pentadbiran awam.

"Saudara boleh langkakan bulan September ini bulan pergerakan reform yang lebih pesat," kata Anwar.

Sebelum ini, Shamsul Azri, menggantikan Tan Sri Mohd Zuki Ali, yang tamat tempoh perkhidmatannya pada 10 Ogos. Dengan pengalaman selama 30 tahun dalam perkhidmatan awam, Shamsul Azri telah memegang pelbagai peranan di Kementerian Kewangan (MoF), Jabatan Perkhidmatan Awam, dan pentadbiran kerajaan negeri.

Tujuh KSU Kementerian bertukar

Perubahan penempatan, lantikan baharu berkuat kuasa hari ini dan 23 September

Oleh FARHANA ABD KADIR
SHAH ALAM

Kerajaan mengumumkan perubahan penempatan dan lantikan baharu bagi 12 jawatan dalam pengurusan tertinggi perkhidmatan awam masing-masing berkuat kuasa hari ini dan 23 September ini.

Ita membabitkan perjawatan sembilan Ketua Setiausaha Kementerian (KSU), seorang timbalan ketua setiausaha kanan dan dua ketua pengarah.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Shamsul Azri Bakar berkata, pelaksanaan tersebut seiring dengan hasrat kerajaan untuk melakukan reformasi perkhidmatan awam yang menuntut kepada kepantasan, katangkasan dan kedinamikan dalam kepimpinan tertinggi.

Menurutnya, perubahan itu dilaksanakan bagi mendepani era baharu perkhidmatan kerajaan susulan pengumuman Sistem Saran Perkhidmatan Awam oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Ia juga adalah manifestasi kepada sinergi jalinan kerjasama antara agensi dan penghayatan prinsip taat setia yang meletakkan keutamaan kepada kesetiaan raja serta negara dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan Madani di bawah pimpinan Perdana Menteri," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

PERUBAHAN PENEMPATAN DAN PELANTIKAN BAHARU JAWATAN BERKENAAN:

 1. DATUK LOKMAN HAKIM ALI Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, bertukar dari Kementerian Pertahanan dan Katerjaminan Makanan • Berkuat kuasa 23 September 2024	 2. DATUK SERI ISHAM ISHAK Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Katerjaminan Makanan, bertukar dari Kementerian Pertanian dan Katerjaminan Makanan • Berkuat kuasa 23 September 2024	 3. DATUK SERI HASNOL ZAM ZAM AHMAD Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan, bertukar dari Kementerian Kerja Raya • Berkuat kuasa 5 September 2024	 4. DATUK SERI SURIANI AHMAD Ketua Setiausaha Kementerian Kaedah, bertukar dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi • Berkuat kuasa 5 September 2024	 5. DATUK RUJI UBI Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, bertukar dari Kementerian Dalam Negeri • Berkuat kuasa 5 September 2024	 6. DATUK AZMAN MOHD YUSOFF Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, bertukar dari Kementerian Perpaduan Negara • Berkuat kuasa 5 September 2024	 7. DATUK SERI KHAIRUL DZAIMIE DAUD Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan dan Usahawan dan Koperasi, bertukar dari Kementerian Sumber Manusia • Berkuat kuasa 5 September 2024	 8. DATUK AWANG ALIK JEMAN Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, naik pangkat daripada jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) • Berkuat kuasa 5 September 2024	 9. DATUK ABD SHUKOR MAHMOED Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri, bertukar daripada Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri (JPM) • Berkuat kuasa 5 September 2024	 10. DATUK NIK NASARUDIN MOHD ZAWAWI Ketua Pengarah Unit Penyelidikan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, bertukar daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan • Berkuat kuasa 5 September 2024	 11. DATUK SERI AZMAN IBRAHIM Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, bertukar daripada Ketua Pengarah Unit Penyelidikan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) • Berkuat kuasa 5 September 2024	 12. MUHAMMAD RAZMAN ABU SAMAH Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, bertukar daripada Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan • Berkuat kuasa 5 September 2024
--	---	---	---	--	---	---	---	---	--	---	--



**PERUBAHAN PENEMPATAN DAN PELANTIKAN BAHARU
 BAGI 12 JAWATAN PENGURUSAN TERTINGGI PERKHIDMATAN AWAM**

9 KSN kementerian bertukar

Putrajaya

Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar, semalam, mengumumkan perubahan penempatan dan pelantikan baharu bagi 12 jawatan pengurusan tertinggi perkhidmatan awam.

Ia melibatkan sembilan ketua setiausaha (KSU), seorang timbalan ketua setiausaha kanan dan dua ketua pengarah yang berkuat kuasa hari ini dan 23 September ini.

Azri berkata, perubahan penempatan

dan pelantikan baharu itu dilaksanakan seiring dengan hasrat kerajaan melaksanakan reformasi perkhidmatan awam yang menuntut kepantasan, ketangkasan dan kediamkan dalam kepimpinan tertinggi sektor awam bagi menghadapi era baharu.

Beliau berkata, langkah itu juga susulan pengumuman Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 16 Ogos lalu.

"Perubahan penempatan dan pelantikan baharu itu adalah manifestasi kepada

12
 Jumlah penempatan, pelantikan baharu bagi jawatan pengurusan tertinggi perkhidmatan awam

sinergi jalinan kerjasama antara agensi serta penghayatan kepada prinsip tata tertib yang meletakkan keutamaan terhadap kesetiaan kepada raja dan negara dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan Madani," katanya pada kenyataan, di sini, semalam.

Perubahan penempatan melibatkan KSU Kementerian Pertanian dan Keperluan Makanan (KPKM) Datuk Lokman Hakim Ali, yang ditukarkan ke Kementerian Pertahanan menggantikan Datuk Seri Isham Isahak yang berpindah ke KPKM, kedua-duanya berkuat kuasa 23 September.

Berkuat kuasa hari ini, KSU Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop) Datuk Seri Suriani Ahmad, akan mengisi kekosongan jawatan KSU Kementerian Kesihatan manakala KSU Ke-

menterian Sumber Manusia (Kesuma) Datuk Seri Khairul Dzaimiee Daud, menggantikan Suriani. Tempat Khairul Dzaimiee diambil alih KSU Kementerian Perpaduan Datuk Azman Mohd Yusoff dan KSU Kementerian Kerja Raya (KKR) Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad menggantikan Azman.

Sementara itu, Ketua Pengarah Unit Penyelaras Pelaksanan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Seri Azman Ibrahim ditukar ke KSU KKR yang baharu manakala KSU Kementerian Dalam Negeri

(KDN) Datuk Rujii Ubi, bertukar ke Kementerian Pendidikan menggantikan Datuk Nik Nasarudin Mohd Zawawi yang mengambil tempat Azman Ibrahim.

KSU KDN pula disandang Datuk Awang Alik Jaman yang sebelum ini Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM dan digantikan dengan Datuk Abd Shukur Mahmood.

Selain itu, Muhammad Razman Abu Samah dilantik sebagai Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) JPM yang sebelum ini disandang Shamsul Azri.

5/9/2024

NST

NEWS

2



LAUDED BY CUEPACS

MAJOR RESHUFFLE OF SECRETARIES-GENERAL

Move will boost efficiency of public sector, says chief secretary to the govt

FLAD NIZAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE government has reshuffled secretaries-general of 12 ministries in a move that has been lauded by Cuepacs.

The reshuffle, said Chief Secretary to the Government Datuk Seri Haniffa Mah, was to boost the efficiency and effectiveness of the public sector.

It involves the secretaries-general of the following ministries:

HEALTH MINISTRY: Datuk Seri Saifuddin Abdullah (currently secretary-general of the Entrepreneur Development and Cooperatives Ministry).

NATIONAL UNITY MINISTRY: Datuk Seri Hassan Zam Zam Ali (currently secretary-general of the Works Ministry).

WORKS MINISTRY: Datuk Seri Anwar Ibrahim (previously director-general of the Implementation of the National Development Plan).

ENTREPRENEUR AND COOPERATIVES DEVELOPMENT MINISTRY: Datuk Seri Khalid Dzamee Daud (currently secretary-general

of the Human Resources Ministry).

HUMAN RESOURCES MINISTRY: Datuk Seri Haniffa Mah (currently secretary-general of the National Unity Ministry).

EDUCATION MINISTRY: Datuk Seri Ismail Sabri (currently secretary-general of the Home Ministry).

DEFENCE MINISTRY: Datuk Seri Haniffa Mah (currently secretary-general of the Minister's Department).

AGRICULTURE AND FOOD SECURITY MINISTRY: Datuk Seri Ahmad Zahid (currently secretary-general of the Trade and Industry Ministry).

TRADE AND INDUSTRY MINISTRY: Datuk Seri Anwar Ibrahim (currently secretary-general of the Finance Ministry).

FINANCE MINISTRY: Datuk Seri Wan Azizah (currently secretary-general of the Women's Empowerment and Social Development Ministry).

WOMEN'S EMPOWERMENT AND SOCIAL DEVELOPMENT MINISTRY: Datuk Seri Shafie Apandi (currently secretary-general of the Home Ministry).

HOME MINISTRY: Datuk Seri Saifuddin Abdullah (currently secretary-general of the Health Ministry).

HEALTH MINISTRY: Datuk Seri Ismail Sabri (currently secretary-general of the Agriculture and Food Security Ministry).

AGRICULTURE AND FOOD SECURITY MINISTRY: Datuk Seri Ahmad Zahid (currently secretary-general of the Trade and Industry Ministry).

TRADE AND INDUSTRY MINISTRY: Datuk Seri Anwar Ibrahim (currently secretary-general of the Finance Ministry).

FINANCE MINISTRY: Datuk Seri Wan Azizah (currently secretary-general of the Women's Empowerment and Social Development Ministry).

Hakim and Isham will begin their appointments on Sept 23.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said Sept 22, and said Shamsul would report with the team and civil servants to improve government performance.

Shamsul, previously director-general of the National Partnership Unit (Ulusa), said the reshuffle would benefit the public sector.

Meanwhile, the Congress of the Public Employees in the Public Sector (CUEPACS) said the reshuffle would benefit the public sector.

Cuepacs secretary-general Abdul Rahman Mohd Nordin said the reshuffle would benefit the public sector.

"It is beneficial for the government because these people have extensive experience and can bring the best practices that the government desires for their new posts," he told the *New Straits Times*.

Shamsul said the reshuffle also allowed the secretaries-general to go beyond their comfort zone in serving their ministries.

"They cannot remain with the same mindset in a new position. They have to be open to new perspectives in line with their skills and experience."



Kajian am industri padi, beras dijangka siap bulan ini

Sedia maklumat isu permasalahan pengeluaran padi, dakwaan rendah, dakwaan wujud kartel

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan kajian am membabitkan industri padi dan beras di negara ini oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dijangka siap bulan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata kajian itu dijangka menyediakan maklumat berhubung isu permasalahan industri padi dan

beras, selain isu pengeluaran rendah dan dakwaan kewujudan kartel.

"Kita tidak menyiasat kartel padi dan beras, namun dalam aspek ini kita menyediakan kajian am terhadap industri terbahit

"Antara inti patinya ialah isu permasalahan industri, mengapa penghasilannya rendah, mana pergi beras tempatan dan dakwaan kartel," katanya selepas taklimat media, semalam.

Pada masa sama, Iskandar berkata, apabila kajian itu siap kelak, ia akan dibentangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) terlebih dahulu.

"Selepas itu kita akan bentangkan pula kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berikutan pihak kementerian yang akan memutuskan berhubung

pelaksanaan dasar terhadap industri itu," katanya.

Februari lalu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, melaporkan berkata kerjasama dengan MyCC adalah membabitkan siasatan di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

Julai lalu, KPKM mengesahkan MyCC masih menjalankan

kajian terhadap industri padi dan beras di dalam negara termasuk berhubung dakwaan wujud kartel dalam industri itu.

KPKM dilaporkan tidak akan mencampuri sebarang urusan kajian yang dilakukan oleh MyCC dan memberikan segala maklumat dan maklum balas lanjut dari semasa ke semasa kepada pihak MyCC.

Apabila kajian itu siap kelak, ia akan dibentangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) terlebih dahulu

Iskandar Ismail,
Ketua Pegawai
Eksekutif MyCC



Siapa 12 kes tipu bidaan

Dalam perkembangan lain, Iskandar berkata, MyCC kini sedang menyiasat 12 kes penipuan bidaan membabitkan 476 syarikat.

Beliau berkata, nilai bidaan itu adalah membabitkan RM3.32 bilion.

"Sementara dalam aspek aduan penipuan bidaan, MyCC menerima 24 aduan membabitkan 444 syarikat dengan nilai bidaan RM9.2 bilion," katanya.

Beliau berkata, pihaknya melihat kesedaran dalam kalangan agensi kerajaan semakin tinggi berhubung isu kesalahan berkaitan persaingan ini.

Ini kerana katanya, kebanyakan aduan yang diterima adalah disalurkan daripada agensi kerajaan.

"Ia susulan kita melaksanakan lebih 200 program kesedaran dalam kalangan agensi kerajaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2024	SELANGOR KINI	ONLINE	

MAHA: Pavilion Selangor tampil produk tanaman negeri, sasar 500,000 pengunjung



SHAH ALAM, 4 SEPT: Seramai 500,000 dijangka berkunjung ke Pavilion Selangor di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 yang berlangsung 11 hingga 22 September.

EXCO pertanian berkata Pavilion Selangor akan menampilkan pelbagai jenis pertanian termasuk produk negeri sebagai langkah mempromosikan hasil tempatan.

“Banyak tarikan akan dibawa seperti tanaman vanila yang baharu sahaja kita teroka tahun ini selain melon Selangor dan cendawan.

“Kita juga akan tonjolkan ikan air tawar bernilai tinggi selain ikan hiasan. Penekanan kepada internet kebendaaan (IoT) dalam sektor pertanian, perikanan, penternakan dan perladangan juga akan dipamerkan,”kata Ir Izham Hashim.

Berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), MAHA 2024 menyasarkan nilai perjanjian persefahaman sebanyak RM6 bilion selain menarik kehadiran tiga juta pengunjung.

Ketika majlis peluncurannya pada Jun, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata lebih 180 syarikat antarabangsa berminat menyertai karnival ini selain menyasarkan 2,000 pempamer.

THE Sabah Agriculture Park (TPS) in Tenom is set to introduce a durian orchard as part of its agritourism initiative in the next two to three years.

TPS agriculture officer Nur Edna Ahlun said visitors would have the opportunity to sample the premium durian varieties grown at the orchard once it opens.

"They include Musang King, Black Thorn, Musang Queen 168, Asfa50, Mdur88 and udang merah," she said.

She said the orchard, covering approximately 32ha, currently houses young trees aged between five and six years old, which have not yet produced a significant harvest.

Elaborating on TPS, Nur Edna said it spans 194ha and attracts around 10% of international visitors annually, primarily from China and Europe.

"These visitors include fruit lovers who enjoy easy access to a variety of fruits without the need to explore the forest," she said, adding that the park boasts a collection of over 1,500 types of fruits and plants.

In addition to fruits, the park is a popular destination for orchid lovers, housing one of Malaysia's largest collections of

lowland orchids, with about 350 varieties.

Nur Edna said that TPS surpassed its visitor target last year, welcoming 17,000 visitors compared to the 15,000 initially targeted.

The park recently organised the TPS Flora & Indigenous Fruits Festival 2024, attracting over 4,000 visitors who participated in various activities.

Located about 18km from Tenom town, TPS charges RM10 for adult admission and RM5 for children. A minibus service is available to transport visitors around the park.

Get creative

In Perak, the Pertubuhan Wawasan Pelancongan, Kreativiti dan Kebudayaan Malaysia (Pro-TAC) will organise various tourism, and arts and culture activities to showcase local cultural heritage and tourist attractions in the country.

Its chairman, Datuk Mohamad Kamil

Durian park in Sabah

Shafie said the association, set up in May, has organised several programmes, including exhibitions and promotions of tourist attractions to highlight new local talent in the fields of arts and culture.

"We are planning to organise a cultural and tourism carnival in Kuala Kangsar, Perak this December and want to publish a book on the uniqueness of cultural heritage," he said during the launch of the association in Kuala Kangsar recently, officiated by Perak Communications, Multimedia and Non-Governmental Organisations Committee chairman Perak Mohd Azlan Helmi.

Meanwhile, Mohd Azlan said in his speech that Pro-TAC's establishment was a vital strategic move to spur and encourage the tourism industry.

"With Pro-TAC, we hope to empower partnerships between the public and private sectors and strengthen tourism networks and boost promotion of interesting destinations.

"I'm convinced that with continuous



Musang King durian is just one of the many varieties grown in the orchard at the Sabah Agriculture Park. — Filepic

cooperation and commitment, Pro-TAC will be the main catalyst in our efforts to develop the country's tourism and culture industries," he added. — Bernama

本网站有使用Cookies，请确定同意接受才继续浏览。[了解更多](#)

接受

涉嫌机场收贿“免检”入境 反贪会延扣另2执法员 **哪家FD利率最高** | 9月最新银行“定存”优惠一次看用5



[首页](#) [最新](#) [头条](#) [热门](#) [国内](#) [国际](#) [言论](#) [财经](#) [娱乐](#) [地方](#) [体育](#) [副刊](#) [学海](#) [百格](#) [星角攝](#) [好运来](#)

M痘 女游客坠8公尺深坑 美国总统大选

地方 | 关注东海岸

发布: 5:19pm 04/09/2024 263点阅

FAMA昌明农业市集 后日甘孟路UniPSAS举办

(关丹4日讯) 彭亨联邦农业销售局 (FAMA) 将于周五 (6日) 在彭亨州苏丹阿末沙伊斯兰大学 (UniPSAS) 设昌明农业市集，让民众买到便宜又新鲜的农产品。



1 次转发     

字 - + 

活动将在于早上8时开始至下午5时，在甘孟路的 UniPSAS校园，配合该大学举办第21届毕业礼而举办。

当局通过官方脸书发帖说，届时将会售卖的商品包括本地白米（每10公斤26令吉）、肉鸡（每公斤8令吉50仙）、红西瓜（每公斤2令吉）、甜玉米（每条1令吉）、龙贡果（每3公斤10令吉）以及螃蟹（每公斤25令吉）。



昌明配套每份10令吉。（取自FAMA脸书）

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2024	BERITA RTM	ONLINE	

MADA optimis capai hasil kasar padi 5.8 tan per hektar setahun



Pengerusi MADA Datuk Dr Ismail Salleh

ALOR SETAR, 4 September - Tahap pematuhan jadual penanaman padi bagi musim 1/2024 hingga 28 Ogos lalu di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian MUDA (MADA), seluas 100,685 hektar mencapai 73.6 peratus dengan peningkatan 45.3 peratus berbanding musim sama, tahun lalu.

Pengerusi MADA Datuk Dr Ismail Salleh berkata, pihaknya yakin dengan prestasi itu dapat mencapai sasaran purata hasil kasar padi iaitu 5.8 tan per hektar setahun.

Katanya ia berdasarkan aktiviti tuaian kini yang mencapai 12,723 hektar atau 1.5 peratus terdapat peladang yang memperoleh hasil purata lapan hingga 10.5 tan per hektar melibatkan kawasan padi masak seluas 11.5 peratus .

"Apabila peladang biasa sudah sampai ke tahap yang seperti itu, kita rasa gelombang padi yang dicetuskan oleh kementerian kita. Kita rasa peladang-peladang kita mula merasai maksudnya menerima dan memperbaiki apa juga dalam 12 insiatif itu untuk meningkatkan hasil. Jadi kita yakin perkara ini, kesedaran ini akan lebih meluas," kata Dr Ismail dalam satu sidang media, di sini.

Bagi musim 2/2024 bekalan untuk pengairan mencukupi, berdasarkan jumlah takungan air ketiga-tiga empangannya pula meningkat iaitu 500,612 ekar kaki bersamaan 40.93 peratus.

Selain itu berdasarkan simulasi takungan air di empangan Pedu kini mencapai 406, 283 ekar kaki atau 46 peratus pada permulaan musim penanaman padi 2/2024 .

Manakala jumlah purata turun hujan di kawasan Muda kembali meningkat iaitu merekodkan bacaan hampir setara sebanyak 1,189 milimeter berbanding purata turunan hujan 20 tahun iaitu 1,193 milimeter.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Paras air empangan Kedah kembali meningkat

ALOR SETAR: Paras empangan di Kedah mula menunjukkan peningkatan dengan status keseluruhan kedudukan semasa takungan air sebanyak 40.93 peratus.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, takungan air di Empangan Pedu kini adalah 35.82 peratus manakala Empangan Ahning (78.82 peratus) dan Empangan Muda (9.16 peratus).

"Namun, keadaan di Empangan Muda bukan sesuatu yang membimbangkan kerana takungan air boleh meningkat atau menurun dengan cepat berikutan statusnya yang menyalurkan air ke Empangan Pedu, bergantung kepada keperluan."

"Simulasi takungan air di Empangan Pedu yang dijalankan dengan mengambil kira turunan purata hujan tahunan di Kawasan Muda menjangkakan paras takungan di situ pada musim kedua 2024 adalah 46 peratus," katanya dalam sidang akhbar di Pusat Latihan MADA (MRTC) di sini, semalam.

Ismail berkata, pihaknya menghargai kerjasama daripada golongan petani berikutan peningkatan yang signifikan terhadap pematuhan jadual penanaman padi bagi musim pertama 2024.

Katanya, tahap pematuhan jadual penanaman padi bagi musim 1/2024 mencapai hingga 73.6 peratus berbanding 28.3 peratus yang dicatatkan pada musim 1/2023.

"Kami jangka peratusan pematuhan itu akan terus meningkat pada musim 2/2024. Peningkatan ini menjadi antara faktor meningkatkan hasil hingga ada petani di luar projek SMART Sawah Berskala Besar mampu memperoleh hasil 10.5 tan per hektar berbanding purata 5.18 tan," katanya.

Jadual penanaman padi bagi musim 2/2024 akan bermula 25 September ini bagi fasa satu diikuti 5 Oktober untuk fasa dua dan 15 Oktober untuk fasa tiga.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan tempoh Tasik Pedu di sini yang kering baru-baru ini, didakwa berlarutan lebih panjang berbanding kali terakhir fenomena itu berlaku pada 2020.

Bekalan air tanaman padi cukup

Jaminan itu berdasarkan status semasa takungan air di tiga empangan bawah seliaan MADA

Oleh **NURUL HIDAYAH HAMID**
ALOR SETAR

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) memberi jaminan bekalan air pengairan mencukupi dan tidak menjejaskan aktiviti penanaman padi pada musim 2/2024.

Pengerusinya, Datuk Dr Ismail Salleh berkata, status keseluruhan kedudukan semasa takungan air di tiga empangan di bawah seliaan MADA ialah sebanyak 40.93 peratus setakat Rabu.

Menurutnya, kapasiti takungan Empangan Pedu adalah sebanyak 35.82 peratus manakala Empangan Muda sebanyak 9.16 peratus dan Empangan Ahning pula sebanyak 78.82 peratus.

"Status terkini kedudukan takungan

semasa ketiga-tiga buah empangan adalah mencukupi bagi keperluan musim 2/2024.

"Simulasi takungan air di Empangan Pedu mengambil kira turunan hujan purata tahunan di Kawasan Muda dan didapati jangkaan paras takungan Empangan Pedu pada permulaan musim 2/2024 adalah 46 peratus," katanya.

Ismail berkata demikian pada sidang media di MADA Rice Training Centre, Jalan Langgar di sini pada Rabu.

Hadir sama, Pengurus Besar MADA, Kamarudin Dahuli.

Ismail menambah, sumber bekalan sokongan daripada pelepasan empangan adalah mencukupi hingga akhir Musim 2/2024.

Sehubungan itu, katanya, Mesyuarat Jawatankuasa Bekalan Air dan Penanaman Padi (MJBAPP) telah memutuskan Jadual Penanaman Padi bagi Musim 2/2024 akan bermula pada penghujung September 2024.

"Bagi fasa pertama, tarikh mula menabur ialah pada 25 September 2024, fasa kedua pada 5 Oktober 2024 dan fasa ketiga pada 15 Oktober 2024," katanya.

Ismail berkata, MADA berharap semua peladang dalam kawasan agensi



Ismail (dua dari kiri) dan Kamarudin (dua dari kanan) menunjukkan jadual penanaman padi musim 2/2024.

kerajaan itu dapat mematuhi Jadual Penanaman Padi Musim 2/2024 yang ditetapkan.

Jelasnya, MADA turut menasihatkan peladang agar memanfaatkan turunan hujan bagi permulaan aktiviti tanaman padi Musim 2/2024.

"Peladang juga diharap dapat mengelakkan pembaziran dengan menguruskan air ke sawah secara berhemah serta menggunakan sepenuhnya turunan hujan di dataran sebagai sumber utama peng-

airan sawah padi," katanya.

Dalam perkembangan sama, Ismail memaklumkan, status kemajuan aktiviti penanaman padi musim 1/2024 hingga 28 Ogos 2024 telah mencapai 11.5 peratus kawasan padi masak dan aktiviti tuaian telah mencapai 1.5 peratus.

Tambahnya, MADA turut mendapati tahap pematuhan jadual penanaman padi bagi Musim 1/2024 telah mencapai 73.6 peratus berbanding Musim 1/2023 iaitu 28.3 peratus.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Jeti nelayan bernilai RM18 juta bakal dibina di Kampung Kuala Sibuti



Rosey (lima kanan) memperkatakan sesuatu semasa turun padang bersama beberapa wakil agensi kerajaan berkaitan ke tapak cadangan projek pembinaan jeti nelayan di Kampung Kuala Sibuti.

MIRI: Projek jeti nelayan Kampung Kuala Sibuti yang bernilai RM18 juta, apabila dibangunkan

kelak bakal menjadi pemangkin sosioekonomi penduduk setempat khususnya di Bekenu dan Sibuti.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak Datuk Rosey Yunus berkata, projek itu telah diluluskan Kerajaan Sarawak dan dijangka dibina dalam masa terdekat.

Beliau yang mengadakan lawatan ke tapak cadangan bagi projek itu memberitahu, apabila sudah siap dibina jeti itu akan menjadi kemudahan untuk para nelayan melabuhkan bot dan memunggah hasil tangkapan mereka.

"Selain itu, jeti tersebut juga direka dengan ruang pejalan kaki sesuai untuk pengunjung melihat keindahan alam semula jadi di tebing sungai dan pantai serta melihat para nelayan pulang dari laut membawa hasil dan sebagainya," katanya.

Menurut beliau lagi, projek itu belum mempunyai nama yang sesuai namun berharap semua pihak memberi kerjasama baik bagi melancarkan pembinaannya.

"Kita mahu jeti nelayan ini benar-benar menjadi satu kenyataan demi pembangunan nelayan di sini dan telah menjemput pelbagai agensi kerajaan berkaitan ke tapak projek.

"Jangan hanya kerana nama projek yang tidak disukai terus dibantah, yang penting beri kerjasama supaya projek itu berjalan dengan lancar dan siap sepenuhnya," katanya.

Sementara itu, pada lawatan kali keduanya ke tapak projek itu, Rosey turut disertai pegawai dan wakil Pejabat Residen Bahagian Miri (Seksyen Perancangan Strategik dan Pelaksanaan Projek), Majlis Daerah Subis (MDS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Tanah dan Survei (JTS), Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (LSS), Sarawak Forestry Corporation (SFC), Jabatan Laut Sarawak (JLS), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Ketua Kampung Abdullah Yaman.

Abdullah ketika ditemui meluahkan rasa amat bersyukur dengan projek jeti yang bakal dilaksanakan dalam sedikit masa lagi dan berterima kasih kepada Premier Sarawak serta Kerajaan Sarawak yang melihat keperluan rakyat kawasan luar bandar.

"Kampung kami mempunyai lebih 500 penduduk dan semuanya nelayan dengan sumber pendapatan utama ialah hasil laut yang diperolehi dijual ke pekan Bekenu dan Sepupok, Niah.

"Kami amat gembira kerana dengan adanya jeti itu kelak, dapat memberi banyak kemudahan kepada para nelayan yang sekali gus dapat merangsang ekonomi penduduk di kawasan ini.

"Selain itu, reka bentuk jeti ini juga mampu menarik pengunjung datang, kami mahu menjadikan kampung ini sebagai satu destinasi pelancongan baharu yang mampu memberi manfaat kepada semua penduduk," jelasnya.